

Current Speeches

I- MAJLIS PELANCARAN RANCANGAN FIZIKAL NEGARA KE-3 - RFN KE-3, DASAR PERBANDARAN NEGERI KE-2 -DPN KE-2 DAN DASAR PERANCANGAN FIZIKAL DESA NEGARA -DPF DESA NEGARA

By : YAB. DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, PERDANA
MENTERI MALAYSIA

Venue : PICC, Putrajaya

Date : 08/06/2017

BismillahirRahmanirRahim,

Alhamdulillahi Rabbil A'lamin wa biHi Nastai'n,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

YB Tan Sri Noh bin Haji Omar

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan,

YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem,

Menteri Sumber Manusia,

YB Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim,

Menteri di Jabatan Perdana Menteri,

Yang Berhormat Datuk Halimah binti Mohd Sadique

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan,

Dif-Dif Jemputan,

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin yang dikasihi sekalian.

BAHAGIAN I : PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, didahului segalanya, marilah kita merafakkan setingga puji-pujian seraya mengangkat rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T, kerana atas izin dan limpah kurniaNya jua, maka kita dapat bersama-sama dalam **Majlis Pelancaran Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFN Ke-3), Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2) dan Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara (DPF Desa Negara)**.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan sekalung tahniah dan terima kasih, kepada **Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)**, melalui **PLANMalaysia** (atau **Jabatan Perancangan Bandar dan Desa**), yang telah menyediakan **3 dokumen besar negara**, dengan jayanya.
3. Menariknya, berpandukan dokumen-dokumen ini, yang **bukan sahaja amat penting bagi masa depan Malaysia**, bahkan, ia akan **menjadi rujukan dan panduan bersama, kepada semua kementerian serta jabatan dan agensi, dalam usaha untuk merancang serta membangunkan negara**.
4. Apatah lagi majlis ini berlangsung pada **13 haribulan Ramadhan 1438 Hijriah**, bulan yang dilimpahi dengan penuh kemuliaan dan keberkatan serta mudah-mudahan, segala amal soleh dan kebajikan yang dikerjakan oleh umat Islam, akan dilipatgandakan pahalanya oleh Allah SWT. InsyaAllah.
5. Seterusnya, majlis ini turut diserikan lagi dengan **kehadiran hampir 1,000 orang**, seraya kita **berikan tepukan gemuruh kepada semua para hadirin**, yang sudi datang ke majlis penuh bermakna ini.

BAHAGIAN II : 3 DOKUMEN BESAR DI BAWAH RANCANGAN PEMAJUAN NASIONAL

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

6. Sebelum saya mengorak langkah bercakap dengan lebih jauh lagi, barangkali, ramai yang ingin tahu serba sedikit tentang latar belakang **3 dokumen besar negara** seperti yang saya sebutkan sebentar tadi.
7. **Pertamanya ialah Rancangan Fizikal Negara atau RFN.** Untuk pengetahuan semua, RFN ini merupakan **dokumen perancangan tertinggi** dalam rangka kerja perancangan pembangunan fizikal negara, yang menterjemah dasar-dasar strategik dan sektoral negara ke dalam dimensi spatial serta fizikal.
8. Sehingga kini, RFN telah melalui 2 fasa kajian semula yang bermula dari tahun 2005, sehingga sampai RFN Ke-3, yang disediakan pada tahun 2015.
9. Menariknya, melalui RFN ini, telah **menjadikan Malaysia sebagai negara pertama di peringkat antarabangsa, yang mempunyai rangka perancangan dan pembangunan spatial di peringkat negara**.

10. **Keduanya, Dasar Perbandaran Negara**, merupakan dasar yang memandu dan menyelaras perancangan pembangunan serta pentadbiran perbandaran, agar menjadi lebih efisien dan sistematis dengan penekanan terhadap keseimbangan pembangunan sosial, ekonomi serta fizikal.
11. Ia bermula dari tahun 2006 sampailah kepada DPN2, yang telah disediakan pada tahun 2016, di mana tempoh perancangannya sehingga 2025.
12. Manakala **ketiganya, adalah Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara**, yang merupakan **dasar pembangunan desa yang pertama di Malaysia berbentuk spatial**, bertujuan mewujudkan perancangan holistik bagi pembangunan desa dan melengkapkan Dasar Perbandaran Negara.
13. Makanya, ketiga-tiga dokumen besar lagi amat penting bagi masa depan negara Malaysia, sesudah ini, akan saya sebutkan sebagai, **Rancangan Pemajuan Nasional atau RPN**.
14. Sesungguhnya, ketiga-tiga dokumen **Rancangan Pemajuan Nasional ini sangat mustahak** kepada negara antaranya untuk:
- i. Menjadi sebagai **rujukan utama oleh pelbagai agensi** dalam merangka program-program pembangunan fizikal negara ke arah mencorak pembangunan yang efisien dan mampan.
 - ii. Menjadi salah **satu instrumen** bagi mencapai kualiti persekitaran dan pembangunan lestari serta berperanan sebagai tindak balas terhadap globalisasi dan kepesatan pembangunan.
 - iii. **Meningkatkan taraf hidup isi rumah dan penyediaan perumahan mampu milik** yang berkualiti bagi membantu golongan **B40 dan M40**, supaya mereka juga tidak terpinggir dalam menikmati arus kemajuan negara.
15. Oleh yang demikian, jika kita hendak rumuskan, **Rancangan Pemajuan Nasional** ini adalah, **satu polisi perancangan fizikal atau spatial nasional yang lengkap lagi inklusif**, dengan **matlamat jelas** bagi **menentukan hala tuju pembangunan negara yang lebih dinamik, seimbang dan resilience serta berdaya saing, dalam menangani cabaran pembangunan pada masa hadapan**.

BAHAGIAN III : PELAKSANAAN RANCANGAN PEMAJUAN NASIONAL

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

16. Sebenarnya, pada hemat saya, penyediaan Rancangan Pemajuan Nasional ini, yang selaras dengan RMK-11, merupakan langkah murni, dalam memastikan **pembangunan berlaku dengan seimbang dan saksama**, di setiap ceruk rantau, tidak kira kampung, desa, maupun bandar di seluruh negara.

17. Malah, saya percaya bahawa, **dokumen perancangan yang telah dirangka** ini, sememangnya **berpaksikan kepada manifestasi dan mengambil kira pandangan, kemahanan serta aspirasi dan keperluan setiap lapisan masyarakat** di negara ini.
 18. Mustahaknya kerana, menjelang **tahun 2020, kadar urbanisasi** di negara ini dijangka **mencecah 77 peratus** dan akan terus **meningkat kepada 85 peratus** pada **tahun 2040**.
 19. Jadinya, peningkatan bilangan penduduk di kawasan bandar, pastinya menimbulkan tekanan terhadap kapasiti infrastruktur dan utiliti, kemudahan masyarakat, aspek perumahan, perkhidmatan serta keperluan kepada makanan.
 20. Kesannya, kadar **penduduk Malaysia** yang tinggal di **kawasan desa** dijangka akan **menurun kepada 23 peratus** menjelang **tahun 2020** dan hanya tinggal **15 peratus** sahaja menjelang **tahun 2040**.
 21. Oleh itu, keadaan ini memerlukan pengukuhan dan lonjakan dari segi kemampuan daya saing ekonomi kawasan desa, khususnya bagi menarik pelaburan bernilai tinggi dan mewujudkan rantaian nilai aktiviti ekonomi seimbang antara bandar serta desa.
 22. Saya yakin bahawa, hal-hal ini telah diambil kira dan ditangani di dalam penyediaan ketiga-tiga dokumen Rancangan Pemajuan Nasional ini.
 23. Dalam hal ini, saya mengalu-alukan usaha untuk memakmurkan pembangunan ekonomi dan taraf hidup masyarakat desa, melalui penggubalan Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara yang pertama di Malaysia, berbentuk '**operational plan**'. Ia turut merangkumi aspek sosial, ekonomi, alam sekitar, pengangkutan, infrastruktur dan pengurusan desa.
 24. Tambahan, Dasar ini juga lebih menjurus kepada '**locational dimension**', berbeza dengan dasar-dasar pembangunan desa sebelumnya, hanya lebih menekankan kepada pengubalan polisi yang berbentuk '**pernyataan dasar**'.
- Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,
25. Bercakap pada sudut lain, menjelang tahun 2040 nanti, Malaysia dianggarkan bakal menjadi **negara menua** atau **ageing population**, dengan berlaku **peningkatan hampir 20 peratus penduduknya** berada dalam lingkungan **umur 60 tahun ke atas**, berbanding hanya **9.24 peratus pada tahun 2015**.
 26. Pastinya, situasi ini menuntut kepada **keperluan perkhidmatan kesihatan, penyediaan kemudahan dan infrastruktur yang mesra warga emas**, bagi mempastikan golongan ini tidak terpinggir serta berpeluang menjalani kehidupan seharian dengan selesa dan sejahtera.
 27. Dalam hal demikian, saya diberitahu bahawa, penyediaan Rancangan Pemajuan Nasional ini juga telah mengambil kira keperluan penyediaan kemudahan perkhidmatan lengkap, bersepadu dan mesra warga emas, di samping pembinaan rumah berkonsepkan **multi generation housing**, agar golongan ini dapat tinggal berdekatan serta bersama dengan anak-anak mereka.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

28. Pada sisi ini, suka saya berkongsi sedikit informasi tentang betapa besarnya sumbangan yang telah diberikan oleh bidang perancangan bandar kepada kita semua.
29. Misalnya, **Bandar Kuala Kubu Bharu** yang merupakan **bandar terancang pertama di Malaysia**, yang telah dirancang pada **tahun 1924** oleh **Charles Compton Reade dari Australia**.
30. Tetapi kini, Alhamdulillah, selepas negara mencapai kemerdekaan, **kewujudan banyak bandar terancang dibangunkan oleh Perancang Bandar tempatan**, seperti **Petaling Jaya**, yang menjadi **bandar satelit pertama** untuk menampung limpahan penduduk Kuala Lumpur, manakala **Bandar Shah Alam** pula dibangunkan berkonsep **neighbourhood unit** pada **tahun 1963**.
31. Malah, lebih membanggakan, **Bandar Putrajaya** ini pun telah dibangunkan oleh warga tempatan, sehingga Putrajaya kini dianggap sebagai **well-planned city**, dan **Bandar Global**, yang **diiktiraf sebagai pusat pentadbiran dalam taman pertama di dunia**.
32. Bahkan, saya berasa bangga, apabila diberitahu bahawa, **Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada sesi Ke-9, World Urban Forum atau WUF9 pada awal bulan Februari 2018**.
33. Semestinya, **kejayaan pemilihan Kuala Lumpur sebagai host city ini merupakan satu pengiktirafan dunia kepada Malaysia dan Kuala Lumpur, menjadi bandar kedua di Asia yang bakal menjadi tuan rumah** tersebut selepas negara China. **Syabas Malaysia! Syabas!**

BAHAGIAN IV : PENCAPAIAN RANCANGAN PEMAJUAN NASIONAL

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

34. Sememangnya, **pengangkutan awam menjadi nadi kepada pertumbuhan ekonomi**, khususnya bagi kawasan bandar mahupun luar bandar.
35. Jika **sebelum ini, perancangan pengangkutan awam hanya digariskan dalam bentuk polisi sahaja** seperti yang terkandung dalam Rancangan Pemajuan Nasional.
36. Tetapi, saya sebaik sahaja saya mengambil **alih tampuk kepimpinan negara pada tahun 2009**, saya terus memfokus dan menjadikan **pembangunan infra rakyat** seperti pengangkutan awam ini sebagai antara agenda utama negara.
37. Ini kerana, terdapat **keperluan untuk melaksanakan sistem pengangkutan awam yang cekap lagi efisien**, bukan sahaja bagi menghubungkan bandar ke bandar dan bandar ke desa, bahkan mampu memberi akses serta manfaat meluas, khususnya kepada golongan yang menggunakan pengangkutan awam sebagai mod pengangkutan utama.

38. Contohnya, merujuk kepada **MRT Fasa 1**, yang telah mula beroperasi pada 16 Disember 2016 lalu dan **Fasa 2 MRT**, di mana bakal memulakan operasinya pada **Julai 2017** ini, yang akan melengkapkan jajaran Sungai Buloh – Kajang sepanjang 51 kilometer.
39. Melalui kedua-dua Fasa MRT itu, Kerajaan menjangkakan, perkhidmatan ini akan dapat memberi manfaat kepada **lebih 500 ribu penumpang** yang menggunakan pada setiap hari.
40. Seterusnya, bagi meningkatkan jaringan sistem pengangutan awam supaya yang lebih bersepadu, maka pelaksanaan projek **LRT Extention** telah pun kita laksanakan.
41. Begitu juga kepada projek **High Speed Rail**, yang bakal menghubungkan Kuala Lumpur dan Singapura, hanya dalam tempoh 90 minit, akan kita jadikan kenyataan.
42. Menyentuh sudut ini juga, rakyat di Pantai Timur akan menikmati *connectivity* terbaharu seperti pembinaan **East Coast Rail Link atau ECRL**, menghubungkan Pengkalan Kubor, Kelantan ke Pelabuhan Klang yang akan memberi limpahan ekonomi di sepanjang laluannya.
43. Menjenguk kepada orang-orang Sabah dan Sarawak pula, yang sentiasa dahagakan pembangunan, sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, kita **tatap** mengotakkan janji melalui pembinaan **Lebuhraya Pan Borneo**, dari Teluk Melano ke Lawas di Sarawak, membawa ke Sabah dari Sindumin ke Tawau, yang keseluruhannya menjangkau sehingga **2,325 kilometer**.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

44. Seperti yang telah saya sebutkan dalam ucapan saya sebelum ini kepada penjawat awam bahawa, **2017 adalah tahun delivery atau tahun penyampaian**.
45. Justeru itu, saya akan sentiasa mempastikan semua projek dan inisiatif yang telah dirancang, akan disiapkan mengikut jadual ditetapkan, **what is important here, we will deliver and continue to deliver!**
46. Lanjutan itu, menjelang tahun 2050 kelak, Kerajaan juga sedang berusaha gigih untuk mencapai **3 sasaran** iaitu :

Satu: Pertumbuhan ekonomi yang kukuh, seimbang dan mampan serta berdaya tahan terhadap perubahan lanskap dan cabaran ekonomi global.

Dua: Bagi menjadikan negara ini, **watan yang Berdaya Huni**, kita sama-sama perlu pastikan agar **kadar urbanisasi seharusnya tidak melebihi daripada 85 peratus**, di mana ia mestilah disokong dengan kemudahan prasarana yang lengkap dan selesa serta persekitaran yang kondusif, untuk melahirkan masyarakat yang sejahtera lagi harmoni.

Tiga: Negara yang rendah karbon iaitu berupaya **mengurangkan 50 peratus pelepasan gas karbon dioksida**, selain penekanan untuk menjadi ekonomi rendah karbon, yang

meminimumkan penghasilan sisa, melalui amalan mesra alam.

BAHAGIAN V : PENUTUP

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dikasihi Sekalian,

47. Atas semuanya ini, jelas menunjukkan bahawa, segala perancangan dan pembangunan negara tidak akan berlaku, tanpa **kerjasama serta komitmen padu antara agensi peringkat Persekutuan, Negeri, Tempatan serta masyarakat setempat. Bagi menghargainya, bersamalah kita beri tepukan gemuruh kepada semua!**
48. Lantas, demi merealisasikan segala rancangan dan inisiatif pembangunan negara pada masa hadapan, **saya menyeru agar semua rakyat Malaysia bersatu padu serta komited untuk mencapai sasaran** berikut:

Pada tahun 2020, Malaysia menjadi sebuah negara maju *High Income Advanced Economy*.

Pada tahun 2025 pula, akan **meningkatnya nilaiyan ekonomi dan dagangan semasa negara** daripada **1.3 trillion ringgit** kepada **2 trillion ringgit** dan;

Menuju Transformasi Nasional 2050 atau TN50 nanti, saya doakan agar, kita sama-sama akan berjaya menjulang Malaysia yang makmur lagi santosa pada kedudukan **20 negara termaju di dunia kelak**. Insya-Allah.

49. Akhir kalam, dengan lafaz kalimah suci *BismillahirRahmanirRahim*, saya dengan sukacitanya menyempurnakan, **Majlis Pelancaran Rancangan Fizikal Negara Ke-3, Dasar Perbandaran Negara Kedua dan Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara**.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

Share

Last Update on 08/06/2017
This Current Speeches has been read **262** times